

**PAS Dicabar Ambil Tindakan Terhadap Mohammad Nizar
Bernama
1 Jun, 2012**

BAGAN DATOH, 1 Jun (Bernama) -- PAS dicabar supaya mengambil tindakan tegas terhadap bekas menteri besar Perak Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin yang mempertikai tindakan Sultan Johor Sultan Ibrahim membida nombor plat WWW 1 menerusi laman Twitternya.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata adalah memalukan jika parti itu tidak mengambil tindakan terhadap Mohammad Nizar dan ia menggambarkan parti itu 'bersekongkol' dan bersetuju mengenai kenyataan pemimpin mereka itu.

"Walaupun (Naib Presiden PAS) Salahuddin (Ayub) dan Ketua Pemuda PAS Nasrudin (Hassan) seolah-olah mahu lari daripada terlibat sama dalam masalah (Mohammad) Nizar tetapi mereka harus ikhlas mencadangkan kepada kepimpinan PAS supaya mengambil tindakan terhadapnya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan baik pulih rumah sumbangan Affin Islamic Bank kepada 68 penerima berjumlah RM750,000 untuk Parlimen Bagan Datoh di sini Jumaat.

Beliau berkata PAS boleh mengenakan tindakan supaya Mohammad Nizar tidak dibenar bertanding dalam pilihan raya kerana jika ada jawatan, banyak lagi kerosakan imej terhadap parti yang boleh dilakukan Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak itu.

Ahmad Zahid berkata Mohammad Nizar telah lupa bahawa bidaan bernilai RM520,000 atas nombor plat oleh Sultan Johor itu akan disalur kepada rakyat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670425>